



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 020801 (Pakaian) bagi menyertai sebut harga tersebut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran
APMM/SH'B'/011/2014	Bekalan <i>Operator Belt</i> Kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri	020804

1. Spesifikasi Peralatan *Operator Belt* adalah seperti di **Lampiran A**. Penyebut harga adalah diminta untuk menyemak dan meneliti spesifikasi serta syarat-syarat lain yang dinyatakan sebelum menawarkan harga. Sebarang maklumat tambahan jika diperlukan sila hubungi **Kdr Maritim Mazlan bin Mat Rejab** di talian **03-8995 7705**.
2. Borang Sebut Harga (**Lampiran Q**) hendaklah diisi dengan lengkap. Semua butiran yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan terang dan jelas. Risalah (*brochure*), katalog dan dokumen yang berkaitan (jika ada) hendaklah disertakan bersama.
3. Semasa mengemukakan tawaran, penyebut harga **WAJIB** menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - a) Tawaran Sebut Harga (*Quotation*)
 - b) Lampiran A1
 - c) Lampiran B - Kenyataan Mengenai Penyebut Harga
 - d) Lampiran Q - (Arahan Perbendaharaan 170)
 - e) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan
 - f) Salinan Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
 - g) Salinan Penyata Bank untuk tiga bulan terakhir
 - h) Pengalaman kerja yang berkaitan dengan sebut harga
 - i) Katalog (sekiranya ada)
4. Dokumen tawaran Sebut Harga yang disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, nombor Sebut Harga dan tajuk Sebut Harga ditulis di penjuru atas kiri dan dihantar secara manual di:-

Cawangan Perolehan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 4, One IOI Square, IOI Resort
62502 PUTRAJAYA

tidak lewat daripada 29 Mei 2014, jam 12.00 tengah hari.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Kadar 0.8% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one off payment).

Kadar 0.4% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM4,800.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) samada melalui Jadual Penghantaran, Pencapaian Perkhidmatan atau berdasarkan permintaan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.